

SECEBIS SEJARAH BANGUNAN UMNO LAMA

GAMBAR BAWAH...
Keratan akhbar Utusan Melayu pada tahun 1981 bertajuk 'Ibu Pejabat UMNO Semakin Malap', keratan akhbar ini menunjukkan ibu pejabat UMNO ketika itu dengan rupanya yang memalukan dan bendera Malaysia dan UMNO sudah koyak rabak yang membuatkan penulis surat, Idris Tulis menghantar kepada Utusan Melayu untuk disiarkan. Selepas itu barulah pihak ibu pejabat ketika itu mengambil tindakan selanjutnya.

IMBAS KEMBALI



Allahyarham Tan Sri Dato' Haji Mustapha Jabar yang bersara dari politik dan sebagai Setiausaha Agung UMNO pada tahun 1983

LEBIH kurang 25 tahun dahulu ketika UMNO belum lagi mampu nyai bangunannya yang besar dan cantik seperti yang ada kini di PWTC setinggi 41 tingkat, Ibu Pejabat UMNO yang pertama setinggi 4 tingkat terletak di Jalan Tuanku Abdul Rahman.

Di masa itu, bangunan tersebut adalah salah satu bangunan yang tertinggi terdapat di Jalan Tuanku Abdul Rahman.

Disitulah segala mesyuarat UMNO, termasuk Mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi diadakan. Perhimpunan Agung UMNO pula diadakan di *De wan Bahasa dan Pustaka* dan kemudian di *Hotel Hilton* kerana bangunan UMNO lama itu tidak mempunyai dewan yang besar untuk menampung ribuan ahli-ahli UMNO dari seluruh negara.

Di hari perasmian bangunan UMNO itu, ia telah disempurnakan oleh DYMM Sultan Selangor Almarhum Sultan Hishamuddin Alam Shah pada bulan Julai 1955 di kala mana ribuan ahli-ahli UMNO dari seluruh tanahair telah tertumpu kepada perasmian bangunan tersebut yang menja di kemegahan dan semang

ايبو فجاية امنو سماكين مالف

ايبو فجاية امنو بنج ترلق دجالن تانكو عبدالرحمن اداله ساتو بالون امنو بنج مولانا سكاني دديرين دنوكالا لعفور ساني ايبو فجاية ايغو سحرور فليسيا - ابن اداله جوا منجادي ايبو كعد فجاية امنو بنج لامن دسلوره ناهار.

ساي ماسيه زلفه يابن دكيبك ايان درسسكن اوله بفخرامة مليا نغو عبدالرحمن فد تاهون 1955 ايان اداله ساتو بالون بنج ترلقكي دان ترلمده دجالن تانكو عبدالرحمن. فد عاري فسيوكان ريبوا اهل امنو دري سلوره تاهملانو تله داتق برسوق دان اتوق مقاضري فرسسين بالون ترسيبو. سمنج ايت بالون ابن سوده منجادي ساتو كماله دان امين كاوتون امنو بنج مان ايان عازني بنج ترلق مندوكع كرامان دهن بنج اد تالين دهن كمدككان. شكور. الحمد لله. نيدق لام لالي امنو ابن مهوراي ساتو ايبو فجاية بنج بسر دان لهنده بنج بوله دكيناك اتوق بريالي كملور ساني ابن ابن مقمبل ماس بنج لام كران فرلمان. واه بنج دفرلون نوم لالي دافه دجاني دان سافه جاره اول دري ملامن.

سمنارا ايت بالون امنو سكارغ ابن. بنج جوك منجادي ايبو فجاية بارسن سانبوسسفق لالي سمرت بالون امنو بنج بوله دمككن دولو. كعد سيباف سوك بنج لالو لايغ دجالن تانكو عبدالرحمن ابن دافه مدهه يابن بالون ترسيبو نيدق دافه ديدلان دود بالون لامن. ورتان نيدق ماريق لالي دان حروف جاري بنج مان فد ساتو كيبك ترغ دان چنديق سوده نيدق نيدق لالي. سمنارا بنج سنباس دفاسخ نيدق دنوكر.

فد عندافه ساي ابن بالون امنو بنج كيب مكمكن ايت فانونه ديه سولوا دان فركان دولور بالون دهرمس سفاي چنديق دافه دان سلبسا ددفع. سمنارا ايت هندفاه دكسي دن بنج بارو دان كاتو بوله باراه سمنارا ابن دفاسخ فد سايغ عاري ساج. جوك اتوق منجنيك لالي بالون ايت ساي چادككن دفاسخ لعفور نون كعد حروف سفاي ايان بوله دافه دري جاره. سكورن "كيب" "برجالو" دولو سمنارا منوقكو عاري ماسق.

سكاه عارف شور ساي ابن ابن دنهنا دهن عاني بنج اغلاص كران ايان اداله بوله كيبككن برسام دان دافه كيب برمهك بوله سمنارا مندوكو. بالون امنو بنج بارو ايت سيفا. سكين ترملكابه. - ادريس نوليس.

ميدان فمباچ



بالون ايبو فجاية امنو ملسيا بنج ترلق دجالن تانكو عبدالرحمن.



TERSERGAM INDAH... bangunan UMNO yang terletak bersebelahan Putra World Trade Centre (PWTC) Kuala Lumpur

ngat kepada orang Melayu dan juga tempat mereka berteduh sehingga ke hari ini.

Apapun, beberapa tahun selepas itu bangunan tersebut didapati seolah-olah tidak terurus dan di jaga dengan baik sebagai bangunan penting kepada orang Melayu dan UMNO apatah lagi ia terletak di jalan utama yang sibuk dan ia dapat dilihat dengan jelas oleh sesiapa jua yang lalu di situ.

Disebabkan ia kelihatan begitu uzur dan ben

dera UMNO dan Malaysia juga kelihatan sudah kotor, buruk dan koyak, ia amat memalukan. Di malam hari pula ia kelihatan malap kerana ada mentol-mentol lampu yang terbakar tidak di ganti.

Di atas kesedaran itu Idris telah mengutus surat kepada UMNO tetapi tidak ada tindakan di buat untuk membaiki keadaan, maka itu Idris

>
YBM Tengku Razaleigh Hamzah yang mengambil alih jawatan Datuk Haji Harun sebagai Pengerusi bangunan UMNO dan bertanggungjawab untuk mendapatkan dana dari seluruh negeri untuk membiayai bangunan UMNO kini.

telah menulis surat kepada *Utusan Melayu* disertakan dengan sekeping gambar bangunan UMNO lama itu untuk disiarkan.

Surat Idris itu telah disiarkan di *Utusan Melayu* pada bulan Januari, 1981 seperti yang disiarkan di sini. Tidak lama selepas itu, barulah kerja-kerja untuk mengecat, menukar 'bulb' dan mengibarkan bendera baru dilakukan.

Melihatkan kepada perubahan yang telah dilakukan, Idris telah menulis surat terima ka-



sih kepada Setiausaha Agung UMNO ketika itu, Dato' Mustapha Jabar (allahyarham) seperti yang disiarkan di sini.

Sementara itu, mengikut ceritanya, tanah seluas 9 ekar di mana bangunan UMNO kini berdiri dengan gagahnya ada-



lah tanah yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri Selangor di bawah Menteri Besarnya ketika itu yang juga Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Dato' Hj. Harun Hj. Idris.

Beliau juga adalah Pengerusi Bangunan UMNO.

Bangunan UMNO kini di PWTC sangat popular bukan sahaja untuk digunakan bagi Perhimpunan Agung UMNO, ia juga disewakan untuk majlis perkahwinan, pameran dan jualan.

Sesungguhnya ia begitu popular sehingga UMNO terpaksa menambah ruang-ruangan dengan mendirikan bangunan tambahan di tanah di sebelahnya.

Tahniah diucapkan kepada UMNO yang sedar kepada keperluan ahli-ahli yang setia.

Hanya UMNO yang kini mempunyai hampir 3 juta ahli masih tidak mempunyai akhbar sendiri untuk dibaca oleh ahli-ahli parti di seluruh negara seperti PAS, KEADILAN dan DAP yang mempunyai akhbar masing-masing.

Apapun, sudah tentu UM-

<
Bekas Menteri Besar Selangor yang juga bekas Ketua Pemuda UMNO Malaysia Dato' Haji Harun bin Haji Idris (allahyarham) ketika mengunjungi penulis di pejabatnya pada tahun 1996. Difahamkan ketika beliau menjadi Menteri Besar Selangor, beliau telah meluluskan 9 ekar tanah untuk dimajukan oleh UMNO sebagai tapak ibu pejabat UMNO kini. Beliau juga adalah merupakan pengerusi bangunan UMNO ketika itu.

NO mempunyai sebab-sebab mengapa ia tidak mahu mengeluarkan wang atau mengambil berat tentang hal ini kerana barangkali berpendapat tidak perlu ahli-ahli di kampung-kampung dan jauh dari bandar untuk mengetahui perkembangan UMNO.

Mungkin juga UMNO fikiran tidak perlu mempunyai akhbar kerana UMNO kini sudah ada laman webnya sendiri.

Tetapi adakah semua ahli-ahli UMNO di kampung-kampung mempunyai internet untuk melayari laman web UMNO itu?

YB Dato' Haji Mustapha Jabar,

YB Dato',

Saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kerana saya lihat Ibu Pejabat UMNO telah mula bertukar rupa dan nampaknya syor saya telah diterima dengan hati yang ikhlas. Bendera-bendera baru telah berkibar dengan megahnya dan signboard neon bercahaya terang. Saya percaya sesudah ianya disapu cat, ia akan lebih menarik, cantik dan akan ternampak berdiri dengan gagah dan megahnya.

Dalam pada itu, saya telah membaca dalam surat khabar *Utusan Melayu* ke luaran hari Sabtu yang lalu bahawa mesuarat Majlis Tertinggi UMNO akan diadakan pada 7hb Februari, 1981.

Salah satu perkara yang akan dibincang dengarnya ialah tentang meletakkan batu asas Ibu Pejabat UMNO yang baru. Saya seperti orang Melayu yang lain sungguh berasa bangga dengan kemajuan ini dan saya sentiasa berdoa projek tersebut akan terlaksana dalam masa yang dirangka.

Sungguhpun begitu saya suka membuat satu cadangan yang boleh jadi pihak Dato' sendiri sudah pun berfikir atau bercadang berbuat demikian.

Bagaimana pun cadangan saya itu ialah seperti berikut:

a. Rumah UMNO sekarang ini patut diperbetul dan diperbesar. Ini sudah tentu boleh dijalankan kerana tanah sekelilingnya masih luas. Jika ini tidak dipraktikal, maka cara yang sesuai ialah dengan mendapatkan arkitek untuk menyiapkan satu pelan untuk menambah tingkat bangunan sekarang ini kepada 10 atau 12 tingkat.

Rasa saya pembinaannya tidak akan mengambil masa yang panjang atau wang yang banyak kerana perkara seperti ini selalu dijalankan.

Tingkat-tingkat ini nanti boleh disewakan kepada badan-badan kerajaan yang sekarang ini banyak menyewa di bangunan-bangunan asing dengan sewa-

yang tinggi.

Sebagai parti yang mendukung Kerajaan, ini dapat menarik pelanggan dan jika sekiranya bangunan itu cantik dan selesa sudah tentu syarikat swasta juga akan mengambil ruang yang ada.

Ruang di bawah itu boleh diberikan kepada bank finance companies ataupun kepada satu syarikat untuk membuka tempat makanan atau *Satay House* untuk orang ramai dan pelanggan-pelanggan yang sentiasa datang ke Kuala Lumpur.

Lagipun tempat ini strategik sungguh dan senang bagi orang-orang mencajarnya dan ianya pula berhampiran dengan kompleks-komplek baru yang mana pembangunan sedang pesat dilakukan.

Tentang wang pula saya percaya perkara ini tidak akan menjadi hal atau masalah kerana bank-bank sudah tentu akan sedia memberi pinjaman dan selain dari itu wang kutipan untuk membiayai Ibu Pejabat UMNO yang baru itu boleh dipakai dahulu bagi membesarkan bangunan UMNO sekarang ini.

Saya harap cadangan yang datang dari 'outsider' ini akan dapat dipertimbangkan oleh Dato' dan sekiranya bolehlah Dato' bentangkan kepada ahli-ahli yang lain.

Saya ini hanya boleh memberi cadangan sebagai ahli perniagaan dan ahli UMNO biasa dengan perasaan untuk menolong memberi buah fikiran.

Jika tidak diterima tidak menjadi hal kepada saya kerana sudah tentu ahli-ahli yang lain ada cadangan yang lebih kukuh dan baik untuk menolong UMNO mencari wang seperti MCA, Multinational Cooperation dan juga MIC dengan bangunan mereka dan projek-projek mereka yang membawa hasil yang banyak.

Sekian, terima kasih.

Dengan hormatnya,

IDRIS TULIS